

18/10/2000

PM akan hadir Asem III

LANGKAWI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan beliau akan menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem III) di Seoul, Korea, bermula Jumaat ini.

Perdana Menteri ketika diminta mengulas spekulasi beliau tidak akan menghadiri mesyuarat itu berkata: "Ia hanya khabar angin ... ya, saya akan menghadirinya".

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar bersama Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid di Hotel Sheraton Perdana, di sini.

Sebelum ini ada laporan agensi berita antarabangsa mendakwa Dr Mahathir tidak akan menghadiri Asem III dan digantikan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Lawatan dan pertemuan kedua-dua pemimpin di pulau Langkawi adalah hasil persetujuan Malaysia dan Indonesia sebelum ini yang mahu berbincang mengenai isu dua hala setiap enam bulan sekali.

(END)